

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai M-First Takaful. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)

**DIURUSKAN OLEH: TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**M-First Takaful (Pelan Perlindungan Asas)**

Tarikh: 17/07/2023

### 1) Produk apakah ini?

Ini adalah pelan sumbangan berkala takaful keluarga biasa yang menawarkan perlindungan takaful untuk 20 tahun. Amaun perlindungan akan dibayar kepada peserta takaful apabila orang yang dilindungi meninggal dunia dalam tempoh sijil takaful.

Sekiranya peserta takaful memilih untuk menambah rider pilihan kepada sijil takaful asas, caj tabarru' tambahan akan ditolak dari amaun dana individu peserta untuk setiap rider.

### 2) Apakah konsep-konsep syariah yang diguna pakai?

- Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta takaful dan akan digunakan untuk membantu peserta-peserta takaful yang ditimpa musibah atau keadaan yang telah dipersetujui dahulu. Di dalam konteks pihak syarikat, tabarru' akan diperuntukkan ke dalam dana risiko.
- Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

### 3) Apakah perlindungan-perlindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

**Manfaat Takaful dan Amaun Perlindungan yang Ditawarkan Adalah Seperti Berikut:**

Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan (RM)	Tempoh Perlindungan	Penerangan
Manfaat kematian (Semua sebab)	100,000	20	Selepas notis kematian orang yang dilindungi dikemukakan, <i>Accelerated Death Expense</i> berjumlah RM 10,000 akan dibayar. Baki manfaat kematian selepas ditolak amaun <i>Accelerated Death Expense</i> akan dibayar apabila tuntutan kematian diluluskan.
<b>Rider-rider Pilihan</b>			
<i>TPD Rider</i>	100,000	20	Amaun perlindungan <i>TPD Rider</i> akan dibayar kepada peserta takaful apabila Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) orang yang dilindungi telah diluluskan. Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran TPD Rider</a> .
<i>TPD Waiver Rider</i>	Sila Rujuk Ilustrasi Manfaat	20	Jumlah sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar secara sekaligus ke dalam dana individu peserta apabila orang yang dilindungi mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK). Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran TPD Rider</a> .
<i>IKHLAS Rider</i>	Tiada Perlindungan	-	<p><i>IKHLAS Rider</i> membolehkan anda menyumbang secara berkala ke dana amal. Sumbangan Takaful selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dana amal sebagai <i>tabarru'</i> (derma). Tiada perlindungan Takaful disediakan di bawah Rider ini.</p> <p>Sepanjang Tempoh Sijil Rider, anda akan menyumbang ke dalam dana amal untuk tujuan aktiviti-aktiviti amal bagi membantu masyarakat yang memerlukan. Pihak syarikat akan menguruskan dana dan akan bekerjasama dengan organisasi kebajikan yang terpilih.</p> <p>Sekiranya mana-mana rider pengecualian sumbangan (<i>waiver riders</i>) dilampirkan bersama pelan asas, Sumbangan Takaful <i>IKHLAS Rider</i> akan dikecualikan dari amaun perlindungan <i>waiver rider</i>.</p>

Nota: Sila rujuk sijil takaful untuk terma dan syarat lengkap yang diguna pakai untuk setiap rider.

### 4) Berapakah jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar?

Jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar adalah bergantung kepada keperluan pengunderaitan, umur, tempoh, rider, kelas pekerjaan dan perlindungan sijil takaful yang dipilih. Sumbangan takaful anda untuk M-First Takaful dan rider (jika ada) adalah seperti berikut:

Anggaran jumlah sumbangan yang perlu dibayar

: RM 100.00 Bulanan

Tempoh sumbangan

: sehingga umur 43 tahun

## 5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

### a) Yuran Wakalah

Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11 & ke atas
Amaun	528	451	365	240	144	144	144	125	125	125	19
% dari sumbangan takaful kasar tahunan	55.00%	47.00%	38.00%	25.00%	15.00%	15.00%	15.00%	13.00%	13.00%	13.00%	2.00%

- Yuran wakalah adalah termasuk komisyen dan perbelanjaan pengurusan.
- 5.00% yuran wakalah akan dicaj untuk setiap top-up dan sumbangan takaful untuk *IKHLAS Rider*.

### b) Caj tabarru'

Caj tabarru' akan ditolak secara bulanan dari dana individu peserta ke dalam dana risiko. Caj-caj tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia orang yang dilindungi dan/atau peserta takaful. Butiran caj tabarru' dan caj-caj lain disertakan dalam ilustrasi manfaat. Caj tabarru' adalah TIDAK DIJAMIN dan pihak syarikat mempunyai hak untuk menyemak semula caj tabarru'. Pihak syarikat akan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada peserta takaful sekiranya berlaku penyemakan semula caj tabarru'. Caj tabarru' boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap sebarang manfaat produk dan profil risiko orang yang dilindungi dan/atau peserta takaful. Sebab-sebab untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan kadar caj tabarru' juga boleh disemak semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

### c) Caj Sijil Takaful

Caj sijil secara bulanan akan dikenakan mengikut mod bayaran:

Mod Sumbangan	Caj Bulanan
Tahunan	RM4
Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan	RM5

### d) Yuran Pengeluaran Sebahagian\*

Yuran pengeluaran sebahagian sebanyak RM50 akan dikenakan untuk setiap transaksi pengeluaran tunai.

### e) Yuran Serahan\*

Yuran serahan sebanyak RM50 akan ditolak dari dana individu peserta. Jika amaun dana individu peserta semasa serahan adalah kurang dari RM50, amaun sepenuhnya akan diambil sebagai yuran serahan dan tiada amaun akan dibayar semasa serahan.

### f) Yuran Penguatkuasaan Semula\*

RM15 akan dikenakan untuk setiap penguatkuasaan semula.

### g) Caj Pengurusan Lebihan

Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sehingga 50% dari lebihan kasar boleh-agih yang diisyiharkan pada setiap akhir tahun kewangan akan dikenakan.

### h) Yuran Prestasi Pelaburan

Yuran Prestasi Pelaburan (IPF) akan dikenakan untuk pendapatan pelaburan yang diperolehi dari dana individu peserta. Peratusan IPF adalah dikenakan sehingga 30% dari pendapatan pelaburan yang diperolehi dari dana individu peserta. Baki pendapatan pelaburan akan diperuntukkan ke dalam dana individu peserta.

\* Yuran-yuran ini mungkin akan disemak semula pada masa akan datang dan ianya juga tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.

## 6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti tetapi tidak terhad kepada umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Ini membolehkan wakil anda untuk menasihatkan produk yang sewajarnya yang memenuhi keperluan dan keadaan anda.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan sijil takaful dengan mengembalikan sijil takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari selepas sijil takaful dihantar kepada anda. Sumbangan takaful yang telah dibayar selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada akan dikembalikan dan sijil takaful akan dibatalkan.
- Tempoh ehsan - tempoh selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan takaful untuk membayar sumbangan takaful yang seterusnya. Sepanjang tempoh ini, sijil takaful akan kekal berkuat kuasa.

- d) Jika kami tidak menerima sumbangan takaful pada tarikh akhir bayaran dan dengan syarat amaun di dalam dana individu peserta adalah mencukupi, **amaun di dalam dana individu peserta akan ditolak** untuk caj tabarru' dan caj sijil sehingga amaun di dalam dana individu peserta tidak lagi mencukupi untuk membayar caj-caj tersebut. **Sekiranya berlaku, sijil takaful anda akan luput.** Kebarangkalian sijil takaful menjadi luput akan meningkat sekiranya pengeluaran tunai sebahagian telah dibuat sebelum ini.
- e) Adalah menjadi keperluan bahawa semua pengeluaran akan tertakluk kepada ujian kemampuan untuk memastikan pengeluaran tersebut tidak memberikan kesan negatif kepada manfaat takaful masa hadapan, dan sumbangan takaful masa hadapan di dalam dana individu peserta adalah mencukupi untuk caj tabarru' dan caj-caj lain sepanjang tempoh sijil takaful. Keputusan ujian kemampuan akan didekahkan dan diterangkan kepada anda untuk membolehkan anda membuat keputusan untuk pengeluaran. Amaun minimum dan maksimum untuk transaksi pengeluaran sebahagian adalah seperti berikut:
- Amaun minimum: RM 1,000
  - Amaun maksimum: tertakluk kepada baki sebanyak RM1,000 di dalam dana individu peserta.
  - Setiap transaksi adalah tertakluk kepada yuran pengeluaran seperti yang dinyatakan di seksyen 5.
- f) Ia mungkin tidak menguntungkan untuk beralih dari satu pelan takaful ke pelan takaful yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu sepenuhnya dan sebarang tempoh terpakai bagi pengecualian pada syarat-syarat penyakit tertentu atau penyakit sedia ada untuk sijil takaful yang baru.
- g) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi memfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada sijil takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah sijil takaful ini.

#### 7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam sijil takaful ini?

Manfaat kematian tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh cubaan membunuh diri sama ada semasa siuman atau tidak siuman dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil takaful atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.

Dalam keadaan yang demikian, amaun yang terkumpul di dalam dana individu peserta akan dibayar balik.

Pengecualian di atas adalah terpakai untuk manfaat kematian sahaja dan tidak akan terpakai untuk manfaat *Accelerated Death Expenses (ADE)*.

#### 8) Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Penyertaan di dalam pelan sumbangan takaful berkala adalah komitmen kewangan jangka panjang, dan anda tidak digalakkan untuk menyertai sijil takaful ini dalam tempoh masa yang singkat kerana ia akan melibatkan kos permulaan yang tinggi. Ianya mungkin tidak akan menguntungkan untuk membatalkan atau menyerah kembali atau menggantikan sijil takaful anda dengan yang baru. Ini kerana anda akan kehilangan segala manfaat yang anda nikmati sebelum ini dan nilai penyerahan yang bakal terima mungkin kurang daripada jumlah sumbangan takaful yang telah anda bayar.

Jika anda merasakan pelan yang dipilih tidak lagi bersesuaian pada masa hadapan, anda boleh menyerahkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pihak syarikat akan mengembalikan amaun terkumpul di dalam dana individu peserta, jika ada, selepas ditolak yuran serahan. Sijil takaful termasuk semua rider yang dilampirkan kepada pelan asas (jika ada) akan ditamatkan.

#### 9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat (termasuk bagi penama) untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dan/atau penama dalam jangka masa ditetapkan.

Anda boleh berbuat demikian melalui wakil anda atau hubungi kami melalui telefon, emel atau hadir ke mana-mana cawangan kami. Sila rujuk item 10 bagi maklumat untuk dihubungi.

**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Keluarga'. Anda boleh memperolehinya daripada wakil takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas Family Berhad (No. Pendaftaran 200201025412)**

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang: [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati.**

Sila hubungi MBSB Bank berdekatan untuk maklumat lebih lanjut.

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU HUBUNGI TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

**MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFULINI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.**

**KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.**

**KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH DIPERLUKAN SEMASA SIJIL TAKAFUL DIPOHON ATAU DIENDOS (DIUBAH).**

**SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKOINI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.**

**ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGANINI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.**

*Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 17/07/2023*

### Lampiran TPD Rider

#### **Perlindungan**

Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar secara sekaligus jika orang yang dilindungi/ peserta takaful mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berterusan. Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan adalah dibayar dari dana risiko. Rider ini akan ditamatkan semasa HUMK diluluskan.

Jumlah maksimum amaun perlindungan HUMK boleh dibayar daripada semua sijil takaful yang diluluskan oleh syarikat ke atas orang yang dilindungi yang sama haruslah tidak melebihi Dua Juta Ringgit Malaysia (RM2,000,000) untuk dewasa atau Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM500,000) bagi kanak kanak berumur enam belas (16) tahun dan ke bawah.

Jika orang yang dilindungi mengalami HUMK sebelum mencapai umur lima (5) tahun, amaun perlindungan *TPD Rider* akan dibayar mengikut jadual seperti berikut:

Umur semasa HUMK (Hari Jadi Akan Datang)	Peratusan Bayaran Manfaat
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun	100%

#### **Tempoh Menunggu**

Tempoh menunggu selama enam (6) bulan diguna pakai untuk tuntutan HUMK. Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan tidak akan dibayar jika HUMK tidak berterusan selama enam (6) bulan berturut-turut.

#### **Pengecualian untuk HUMK**

Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan tidak akan dibayar jika HUMK disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut: -

- a) Cubaan membunuh diri atau tindakan memudaratkan diri sendiri oleh orang yang dilindungi semasa siuman atau tidak siuman; atau
- b) Akibat penyalahgunaan dadah atau pengaruh alkohol; atau
- c) Penyertaan dalam sebarang kegiatan jenayah, rusuhan, rusuhan awam, pemberontakan, pererangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang jenis operasi berbentuk pererangan, tindakan musuh asing, sebarang tindakan keganasan dan pererangan kimia; atau
- d) Melibatkan diri dalam sukan profesional, selam skuba, perlumbaan atau apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada sebagai anggota kru atau sebagai penumpang berbayar pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi pada laluan yang dijadualkan atau apa-apa aktiviti sukan berbahaya (termasuk lompatan bungee, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjunan udara) melainkan jika kami bersetuju dengan persetujuan khas; atau
- e) HIV atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan berkaitan dengan AIDS.

#### **Caj Sijil**

Caj sijil bulanan sebanyak RM1 akan dikenakan untuk setiap rider.

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai M-First Takaful. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)

**DIURUSKAN OLEH: TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**M-First Takaful (Pelan Perlindungan Perubatan dengan Deduktibel)**

Tarikh: 17/07/2023

### 1) Produk apakah ini?

Ini adalah pelan sumbangan berkala takaful keluarga biasa yang menawarkan perlindungan takaful untuk 20 tahun. Amaun perlindungan akan dibayar kepada peserta takaful apabila orang yang dilindungi meninggal dunia dalam tempoh sijil takaful.

Sekiranya peserta takaful memilih untuk menambah rider pilihan kepada sijil takaful asas, caj tabarru' tambahan akan ditolak dari amaun dana individu peserta untuk setiap rider.

### 2) Apakah konsep-konsep syariah yang diguna pakai?

- Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta takaful dan akan digunakan untuk membantu peserta-peserta takaful yang ditimpa musibah atau keadaan yang telah dipersetujui dahulu. Di dalam konteks pihak syarikat, tabarru' akan diperuntukkan ke dalam dana risiko.
- Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

### 3) Apakah perlindungan-perlindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

**Manfaat Takaful dan Amaun Perlindungan yang Ditawarkan Adalah Seperti Berikut:**

Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan (RM)	Tempoh Perlindungan	Penerangan
Manfaat kematian (Semua sebab)	100,000	20	Selepas notis kematian orang yang dilindungi dikemukakan, <i>Accelerated Death Expense</i> berjumlah RM 10,000 akan dibayar. Baki manfaat kematian selepas ditolak amaun <i>Accelerated Death Expense</i> akan dibayar apabila tuntutan kematian diluluskan.
<b>Rider-rider Pilihan</b>			
<i>TPD Rider</i>	100,000	20	Amaun perlindungan <i>TPD Rider</i> akan dibayar kepada peserta takaful apabila Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) orang yang dilindungi telah diluluskan. Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran TPD Rider</a> .
<i>TPD Waiver Rider</i>	Sila Rujuk Ilustrasi Manfaat	20	Jumlah sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar secara sekaligus ke dalam dana individu peserta apabila orang yang dilindungi mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK). Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran TPD Rider</a> .
<i>Medical Rider</i>	Pelan 150	20	Sekiranya orang yang dilindungi menjalani rawatan perubatan untuk kecederaan atau penyakit (akibat kemalangan atau penyakit), manfaat perubatan akan dibayar sehingga amaun maksimum seperti yang dinyatakan di dalam jadual manfaat, berdasarkan jenis pelan yang dipilih. Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran Medical Rider</a> .
<i>Hospital Income Rider</i>	10	20	Rider ini memberikan pendapatan harian hospital apabila orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital disebabkan oleh semua sebab. Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran Hospital Income Rider</a> .

Nota: Sila rujuk sijil takaful untuk terma dan syarat lengkap yang diguna pakai untuk setiap rider.

### 4) Berapakah jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar?

Jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar adalah bergantung kepada keperluan pengunderaitan, umur, tempoh, rider, kelas pekerjaan dan perlindungan sijil takaful yang dipilih. Sumbangan takaful anda untuk M-First Takaful dan rider (jika ada) adalah seperti berikut:

Anggaran jumlah sumbangan yang perlu dibayar  
Tempoh sumbangan

RM 172.00 Bulanan  
sehingga umur 55 tahun

## 5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

### a) Yuran Wakalah

Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11 & ke atas
Amaun	1,135	970	784	516	310	310	310	268	268	268	41
% dari sumbangan takaful kasar tahunan	55.00%	47.00%	38.00%	25.00%	15.00%	15.00%	15.00%	13.00%	13.00%	13.00%	2.00%

- Yuran wakalah adalah termasuk komisyen dan perbelanjaan pengurusan.
- 5.00% yuran wakalah akan dicaj untuk setiap top-up dan sumbangan takaful untuk *IKHLAS Rider*.

### b) Caj tabarru'

Caj tabarru' akan ditolak secara bulanan dari dana individu peserta ke dalam dana risiko. Caj-caj tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia orang yang dilindungi dan/atau peserta takaful. Butiran caj tabarru' dan caj-caj lain disertakan dalam ilustrasi manfaat. Caj tabarru' adalah TIDAK DIJAMIN dan pihak syarikat mempunyai hak untuk menyemak semula caj tabarru'. Pihak syarikat akan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada peserta takaful sekiranya berlaku penyemakan semula caj tabarru'. Caj tabarru' boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap sebarang manfaat produk dan profil risiko orang yang dilindungi dan/atau peserta takaful. Sebab-sebab untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan kadar caj tabarru' juga boleh disemak semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

### c) Caj Sijil Takaful

Caj sijil secara bulanan akan dikenakan mengikut mod bayaran:

Mod Sumbangan	Caj Bulanan
Tahunan	RM4
Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan	RM5

### d) Yuran Pengeluaran Sebahagian\*

Yuran pengeluaran sebahagian sebanyak RM50 akan dikenakan untuk setiap transaksi pengeluaran tunai.

### e) Yuran Serahan\*

Yuran serahan sebanyak RM50 akan ditolak dari dana individu peserta. Jika amaun dana individu peserta semasa serahan adalah kurang dari RM50, amaun sepenuhnya akan diambil sebagai yuran serahan dan tiada amaun akan dibayar semasa serahan.

### f) Yuran Penguatkuasaan Semula\*

RM15 akan dikenakan untuk setiap penguatkuasaan semula.

### g) Caj Pengurusan Lebihan

Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sehingga 50% dari lebihan kasar boleh-agih yang diisyiharkan pada setiap akhir tahun kewangan akan dikenakan.

### h) Yuran Prestasi Pelaburan

Yuran Prestasi Pelaburan (IPF) akan dikenakan untuk pendapatan pelaburan yang diperolehi dari dana individu peserta. Peratusan IPF adalah dikenakan sehingga 30% dari pendapatan pelaburan yang diperolehi dari dana individu peserta. Baki pendapatan pelaburan akan diperuntukkan ke dalam dana individu peserta.

\* Yuran-yuran ini mungkin akan disemak semula pada masa akan datang dan ianya juga tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.

## 6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti tetapi tidak terhad kepada umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Ini membolehkan wakil anda untuk menasihatkan produk yang sewajarnya yang memenuhi keperluan dan keadaan anda.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan sijil takaful dengan mengembalikan sijil takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari selepas sijil takaful dihantar kepada anda. Sumbangan takaful yang telah dibayar selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada akan dikembalikan dan sijil takaful akan dibatalkan.
- Tempoh ehsan - tempoh selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan takaful untuk membayar sumbangan takaful yang seterusnya. Sepanjang tempoh ini, sijil takaful akan kekal berkuat kuasa.

- d) Jika kami tidak menerima sumbangan takaful pada tarikh akhir bayaran dan dengan syarat amaun di dalam dana individu peserta adalah mencukupi, **amaun di dalam dana individu peserta akan ditolak** untuk caj tabarru' dan caj sijil sehingga amaun di dalam dana individu peserta tidak lagi mencukupi untuk membayar caj-caj tersebut. **Sekiranya berlaku, sijil takaful anda akan luput.** Kebarangkalian sijil takaful menjadi luput akan meningkat sekiranya pengeluaran tunai sebahagian telah dibuat sebelum ini.
- e) Adalah menjadi keperluan bahawa semua pengeluaran akan tertakluk kepada ujian kemampuan untuk memastikan pengeluaran tersebut tidak memberikan kesan negatif kepada manfaat takaful masa hadapan, dan sumbangan takaful masa hadapan di dalam dana individu peserta adalah mencukupi untuk caj tabarru' dan caj-caj lain sepanjang tempoh sijil takaful. Keputusan ujian kemampuan akan didedahkan dan diterangkan kepada anda untuk membolehkan anda membuat keputusan untuk pengeluaran. Amaun minimum dan maksimum untuk transaksi pengeluaran sebahagian adalah seperti berikut:
- Amaun minimum: RM 1,000
  - Amaun maksimum: tertakluk kepada baki sebanyak RM1,000 di dalam dana individu peserta.
  - Setiap transaksi adalah tertakluk kepada yuran pengeluaran seperti yang dinyatakan di seksyen 5.
- f) Ia mungkin tidak menguntungkan untuk beralih dari satu pelan takaful ke pelan takaful yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu sepenuhnya dan sebarang tempoh terpakai bagi pengecualian pada syarat-syarat penyakit tertentu atau penyakit sedia ada untuk sijil takaful yang baru.
- g) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi memfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada sijil takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah sijil takaful ini.

#### 7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam sijil takaful ini?

Manfaat kematian tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh cubaan membunuh diri sama ada semasa siuman atau tidak siuman dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil takaful atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.

Dalam keadaan yang demikian, amaun yang terkumpul di dalam dana individu peserta akan dibayar balik.

Pengecualian di atas adalah terpakai untuk manfaat kematian sahaja dan tidak akan terpakai untuk manfaat *Accelerated Death Expenses (ADE)*.

#### 8) Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Penyertaan di dalam pelan sumbangan takaful berkala adalah komitmen kewangan jangka panjang, dan anda tidak digalakkan untuk menyertai sijil takaful ini dalam tempoh masa yang singkat kerana ia akan melibatkan kos permulaan yang tinggi. Ianya mungkin tidak akan menguntungkan untuk membatalkan atau menyerah kembali atau menggantikan sijil takaful anda dengan yang baru. Ini kerana anda akan kehilangan segala manfaat yang anda nikmati sebelum ini dan nilai penyerahan yang bakal terima mungkin kurang daripada jumlah sumbangan takaful yang telah anda bayar.

Jika anda merasakan pelan yang dipilih tidak lagi bersesuaian pada masa hadapan, anda boleh menyerahkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pihak syarikat akan mengembalikan amaun terkumpul di dalam dana individu peserta, jika ada, selepas ditolak yuran serahan. Sijil takaful termasuk semua rider yang dilampirkan kepada pelan asas (jika ada) akan ditamatkan.

#### 9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat (termasuk bagi penama) untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dan/atau penama dalam jangka masa ditetapkan.

Anda boleh berbuat demikian melalui wakil anda atau hubungi kami melalui telefon, emel atau hadir ke mana-mana cawangan kami. Sila rujuk item 10 bagi maklumat untuk dihubungi.

**10) Bagaimakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Keluarga'. Anda boleh memperolehinya daripada wakil takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas Family Berhad (No. Pendaftaran 200201025412)**

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang: [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati.**

Sila hubungi MBSB Bank berdekatan untuk maklumat lebih lanjut.

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU HUBUNGI TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

**MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFULINI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.**

**KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.**

**KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH DIPERLUKAN SEMASA SIJIL TAKAFUL DIPOHON ATAU DIENDOS (DIUBAH).**

**SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKOINI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.**

**ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGANINI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.**

*Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 17/07/2023*

## Lampiran TPD Rider

### Perlindungan

Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar secara sekaligus jika orang yang dilindungi/ peserta takaful mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berterusan. Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan adalah dibayar dari dana risiko. Rider ini akan ditamatkan semasa HUMK diluluskan.

Jumlah maksimum amaun perlindungan HUMK boleh dibayar daripada semua sijil takaful yang diluluskan oleh syarikat ke atas orang yang dilindungi yang sama haruslah tidak melebihi Dua Juta Ringgit Malaysia (RM2,000,000) untuk dewasa atau Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM500,000) bagi kanak kanak berumur enam belas (16) tahun dan ke bawah.

Jika orang yang dilindungi mengalami HUMK sebelum mencapai umur lima (5) tahun, amaun perlindungan *TPD Rider* akan dibayar mengikut jadual seperti berikut:

Umur semasa HUMK (Hari Jadi Akan Datang)	Peratusan Bayaran Manfaat
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun	100%

### Tempoh Menunggu

Tempoh menunggu selama enam (6) bulan diguna pakai untuk tuntutan HUMK. Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan tidak akan dibayar jika HUMK tidak berterusan selama enam (6) bulan berturut-turut.

### Pengecualian untuk HUMK

Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan tidak akan dibayar jika HUMK disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut: -

- a) Cubaan membunuh diri atau tindakan memudaratkan diri sendiri oleh orang yang dilindungi semasa siuman atau tidak siuman; atau
- b) Akibat penyalahgunaan dadah atau pengaruh alkohol; atau
- c) Penyertaan dalam sebarang kegiatan jenayah, rusuhan, rusuhan awam, pemberontakan, perperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang jenis operasi berbentuk perperangan, tindakan musuh asing, sebarang tindakan keganasan dan perperangan kimia; atau
- d) Melibatkan diri dalam sukan profesional, selam skuba, perlumbaan atau apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada sebagai anggota kru atau sebagai penumpang berbayar pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi pada laluan yang dijadualkan atau apa-apa aktiviti sukan berbahaya (termasuk lompatan bungee, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjunan udara) melainkan jika kami bersetuju dengan persetujuan khas; atau
- e) HIV atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan berkaitan dengan AIDS.

### Caj Sijil

Caj sijil bulanan sebanyak RM1 akan dikenakan untuk setiap rider.

### Lampiran Medical Rider

#### Perlindungan

Jika, semasa rider ini berkuatkuasa, orang yang dilindungi telah menjalani rawatan perubatan untuk kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit, manfaat perubatan akan dibayar sehingga amaun maksimum seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, berdasarkan pelan yang dipilih. Had tahunan keseluruhan menunjukkan jumlah maksimum amaun yang boleh ditutut setiap tahun bergantung kepada pelan yang dipilih. Amaun perlindungan *Medical Rider* adalah dibayar dari dana risiko.

#### Jadual Manfaat

	<b>Pelan 150</b>	<b>Pelan 250</b>	<b>Pelan 500</b>
Had Tahunan Keseluruhan	RM170,000	RM250,000	RM500,000
Amaun Deduktibel	RM300 setiap kemasukan		
<b>Seksyen A: Manfaat Kemasukan ke Hospital dan Penjagaan Pembedahan</b>			
Bilik Hospital & Penginapan (R&B)	RM150  (Tiada had bilangan hari)	RM250	RM500
Manfaat Unit Rawatan Rapi	Seperti yang dicaj (Tiada had bilangan hari) (tertakluk kepada amaun deduktibel)		
Manfaat Bekalan & Khidmat Hospital			
Manfaat Pembedahan	Seperti yang dicaj (tertakluk kepada amaun deduktibel)		
Yuran Pakar Bius			
Manfaat Bilik Bedah			
Manfaat Lawatan Doktor Dalam Hospital	Seperti yang dicaj (maksimum 2 lawatan setiap hari) (tertakluk kepada amaun deduktibel)		
Rawatan Sebelum kemasukan ke Hospital:			
(i) Yuran Rundingan Pakar Sebelum Kemasukan ke Hospital			
(ii) Manfaat Ujian Diagnostik Sebelum Kemasukan ke Hospital	Seperti yang dicaj (dalam masa 60 hari sebelum kemasukan) (tertakluk kepada amaun deduktibel, kecuali untuk Pendapat Kedua untuk Pembedahan)		
(iii) Pendapat Kedua untuk Pembedahan			
Manfaat Rawatan Selepas Kemasukan ke Hospital	Seperti yang dicaj (dalam masa 90 hari dari tarikh keluar hospital) (tertakluk kepada amaun deduktibel)		
Penjagaan Di Rumah	RM120 sehari  (maksimum 60 hari dari tarikh keluar hospital, setahun)		
Pembedahan Harian/ Prosedur Jagaan Harian	Seperti yang dicaj		
Yuran Ambulan	Seperti yang dicaj (tertakluk kepada amaun deduktibel)		
Manfaat Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan	Seperti yang dicaj (30 hari rawatan susulan)		
Rawatan Pesakit Luar untuk Fisioterapi, Akupuntur & Terapi Bekam	RM1,500 setiap kehilangan upaya  (Rawatan susulan selepas kemasukan ke hospital)		
<b>Seksyen B: Manfaat Penjagaan Jangka Panjang</b>			
Manfaat Rawatan Pesakit Luar Kanser	RM500,000 seumur hidup		
Manfaat Rawatan Pesakit Luar Dialisis Buah Pinggang	(tambahan kepada Had Tahunan Keseluruhan)		
Manfaat Pemindahan Organ	Seperti yang dicaj (sekali seumur hidup)		
Elaun untuk Rawatan Pesakit Luar Kemoterapi, Radioterapi dan Dialisis Buah Pinggang	RM100 sehari  (Maksimum RM1,000 setahun; Maksimum RM10,000 seumur hidup)		
<b>Seksyen C: Manfaat-manfaat Lain</b>			
Rawatan Perubatan Tradisional Akibat Kemalangan	Maksimum RM200 (dalam masa 48 jam selepas kemalangan)		
Lensa Intraokular	Sehingga RM3,000 setiap mata dan maksimum RM6,000 seumur hidup		
Manfaat Imunisasi Haji / Umrah / Influenza	RM300 setiap 3 tahun		
Manfaat Kanser Keseluruhan Diagnosis Kali Pertama	RM10,000		
Manfaat Dialisis Buah Pinggang Keseluruhan Diagnosis Kali Pertama	RM10,000		
Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan	RM150  (Tiada had bilangan hari)	RM250	RM500
Yuran Laporan Perubatan	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada maksimum RM100		
Cukai Perkhidmatan	Seperti yang dicaj		
Bilik dan Penginapan yang Tidak Digunakan	50% daripada Bilik dan Penginapan yang tidak digunakan akan dibayar balik tertakluk kepada minimum RM50 dan RM 5,000 setahun		
Ganjaran Tanpa Tuntutan	10% penambahan kepada amaun asal manfaat Bilik & Penginapan dan Had Tahunan Keseluruhan setiap 2 tahun dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh tersebut,		

	tertakluk kepada maksimum 200% dari amaun asal Bilik & Penginapan dan Had Tahunan Keseluruhan
--	---

### Tempoh Menunggu

Tempoh menunggu merujuk kepada bilangan hari yang pertama daripada tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian di mana tiada manfaat akan dibayar untuk mana-mana keadaan yang wujud atau didiagnos semasa tempoh tersebut.

Tempoh menunggu untuk penyakit berikut adalah **satu ratus dua puluh (120) hari** dari tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian;

- a) Darah Tinggi, kencing manis atau penyakit kardiovaskular;
- b) Apa-apa pertumbuhan termasuklah tumor, kanser, sista, nodul, polyps;
- c) Batu yang berkaitan dengan sistem kencing dan sistem hempedu;
- d) Apa-apa penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan keadaan tekak;
- e) Hernia, buasir, fistulae, hidrosel, varikosele;
- f) Apa-apa penyakit berkaitan sistem pembiakan termasuk endometriosis; atau
- g) Mana-mana gangguan tulang belakang (termasuk cakera tergelincir) atau sebarang keadaan lutut.

Untuk penyakit selain yang dinyatakan di atas, **tiga puluh (30) hari** tempoh menunggu akan diguna pakai kecuali yang disebabkan oleh kemalangan.

Tiada manfaat yang akan di bayar untuk Manfaat-manfat Lain dalam tempoh **satu ratus dua puluh (120) hari** daripada tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider, mana-mana yang kemudian untuk Manfaat Kanser Keseluruhan Diagnosis Kali Pertama dan Manfaat Dialisis Buah Pinggang Keseluruhan Diagnosis Kali Pertama.

### Tuntutan bagi *Medical Rider*

Bayaran bagi tuntutan ini akan berdasarkan pelan yang dipilih. Untuk pembayaran balik bagi perbelanjaan perubatan, dokumen berikut hendaklah dihantarkan kepada kami dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh keluar hospital:

1. Semua bil-bil dan resit-resit asal;
2. Laporan doktor berserta dengan maklumat diagnosis, imbasan dan ujian yang telah dilakukan, tarikh hilang upaya, tarikh keluar hospital, konklusi dan ringkasan daripada rawatan yang ditawarkan dan susulan.

Hanya kos sebenar yang dikira akan dipertimbangkan sebagai pembayaran balik.

### Penetapan di Luar Negara

Tiada manfaat akan dibayar untuk rawatan perubatan yang diterima oleh orang yang dilindungi di luar negara selain Singapura dan Brunei jika orang yang dilindungi telah menetap atau mengembara di luar Malaysia, Singapura dan Brunei untuk tempoh berterusan selama lebih dari sembilan puluh (90) hari.

### Pengecualian Utama untuk Manfaat Perubatan

Caj-caj manfaat perubatan tidak akan dibayar balik jika kemasukan ke hospital adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:-

- a) Penyakit Tertentu dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider, mana-mana yang kemudian; atau
- b) Semua kehilangan upaya (kecuali kecederaan) dan tanda-tanda atau simptom-simptom yang muncul dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula mana yang kemudian; atau
- c) Percubaan membunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri ketika siuman atau tidak siuman; atau
- d) Rawatan yang timbul daripada kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau felonii atau di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau bahan pengkhayal minda atau sengaja mencederakan diri sendiri samada ketika siuman atau tidak siuman; atau
- e) Penyakit atau kecederaan yang dialami semasa perjalanan melalui udara kecuali sebagai penumpang bayar tambang sistem penerbangan yang diiktiraf yang beroperasi di laluan udara berjadual dan perjalanan udara oleh pesawat sewa khas yang dilesenkan sebagai pengangkut udara diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan diselenggarakan.

### Pengecualian Utama untuk Kemasukan ke Hospital

Caj-caj manfaat perubatan tidak akan dibayar balik jika kemasukan ke hospital berlaku disebabkan secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana keadaan atau situasi perubatan berikut: -

- a) Penyakit sedia ada melainkan dinyatakan oleh orang yang dilindungi dan diterima oleh pihak syarikat dalam bentuk bertulis, pada/sebelum tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian; atau
- b) Pembedahan atau rawatan kosmetik termasuk (tetapi tidak terhad kepada) sebagai contoh, kelopak mata berganda, akne, keloid, parut, tag kulit, keguguran rambut /kehilangan rambut dan sebagainya, atau rawatan akibat komplikasinya kecuali yang diperlukan secara perubatan oleh kecederaan akibat kemalangan dalam tempoh enam (6) bulan dari rawatan awalan. Bagi tujuan pengecualian ini "rawatan awalan" bermaksud rawatan pertama kali diterima dalam merawat kecederaan akibat kemalangan; atau
- c) Pemeriksaan mata dan pembetulan pembedahan untuk masalah penglihatan kerana rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme atau radial keratotomi atau Lasik; atau
- d) Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian oleh doktor gigi atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asal yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh perlindungan takaful. Perbelanjaan atau penggantian yang disebabkan oleh pembuatan gigi palsu, rawatan saluran akar dan perkhidmatan prostetik seperti pendakap gigi, implan dan gigi acuan tidak akan dibayar; atau
- e) Sebarang rawatan atau penilaian bagi kongenital, penyakit keturunan atau penyakit perkembangan, kecacatan dan mana-mana hilang upaya atau komplikasi yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada sista dermoid, hernia kanak-kanak hidrosel (semua jenis hernia sehingga usia enam (6) tahun adalah tidak dilindungi), kaki belantan, kecacatan septum ventrikel (VSD), kecacatan atrium septal (ASD), Thalasemia, Mata Juling, Haemangioma dan lain-lain lagi; atau
- f) Kehamilan atau keadaan yang berkaitan kehamilan termasuk melahirkan anak (sama ada pembedahan atau sebaliknya), komplikasi yang timbul daripada kehamilan seperti keguguran, menggugurkan kandungan, penjagaan sebelum bersalin atau selepas bersalin, kaedah-kaedah perancang untuk kawalan kelahiran, rawatan kemandulan dan komplikasinya; atau
- g) Bertujuan untuk penyiasatan, pemeriksaan, diagnosis, sinar-X, imbasan, pemeriksaan umum fizikal atau perubatan yang dilakukan secara rutin atau tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis kehilangan upaya, rawatan atau penyiasatan kehilangan upaya yang tidak perlu dari segi perubatan yang diperlukan untuk kemasukan ke hospital, rawatan pencegahan dan perubatan. Pengecualian ini termasuk (tetapi tidak dihadkan kepada) rawatan seperti:
  - (i) rawatan sel stem, latihan yang berkaitan dan sebarang komplikasi yang timbul selepasnya;
  - (ii) penjamin darah;
  - (iii) rawatan untuk gangguan menopaus, kecuali menopaus yang dicetuskan oleh pembedahan.

### Pengecualian Utama untuk Rawatan dan Kos untuk Peralatan, Perkakas Luar, Ubatan

Caj-caj manfaat perubatan tidak akan dibayar balik untuk rawatan dan kos peralatan, perkakas luar dan ubatan yang berikut: -

- a) Rawatan alternatif seperti khidmat kiropraktik, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, terapi oksigen hiperbarik, urut atau terapi aroma atau alternatif perubatan yang lain; atau
- b) Cermin mata, kanta multifokal atau kanta lekap kecuali untuk IOL Monofocal bagi pembedahan Katarak; atau
- c) Penggunaan atau pengambilalihan semua peralatan luaran (misalnya, anggota palsu, alat bantuan pendengaran, kebuk aero dan peralatan bagi penebulan, tekanan saluran udara positif berterusan (CPAP), dialisis peritoneum ambulatori berterusan (CAPD), alas ortopedik) dan kos sewa peralatan tersebut kecuali semasa berada di hospital; atau
- d) Perentak jantung, implan defibrillator jantung (ICD) dan implan koklea; atau
- e) Barang yang tidak langsung berkaitan dengan rawatan perubatan kehilangan upaya termasuk penyewaan televisyen, telefon, perkhidmatan jalur lebar, caj elektrik, yuran kemasukan/pendaftaran/rekod, kit/pek kemasukan atau mana-mana peralatan bukan berkaitan perubatan.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada sijil rider bagi mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah sijil rider ini.

### Caj Sijil

Caj Sijil bulanan sebanyak RM5 akan dikenakan untuk Rider ini.

### Lampiran Hospital Income Rider

#### **Perlindungan**

Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital kerajaan atau pusat perubatan yang diluluskan atau hospital yang diluluskan oleh syarikat, manfaat hospital harian akan dibayar tertakluk kepada hari hospital, yang mana hospital tersebut mengenakan caj bilik dan penginapan harian. Amaun perlindungan *Hospital Income Rider* akan dibayar daripada dana risiko. Bayaran tersebut adalah tertakluk kepada bilangan maksimum hari berikut:

- a) satu ratus lapan puluh (180) hari setiap kali kemasukan ke hospital
- b) tiga ratus enam puluh lima (365) hari secara agregat dari semua sebab kemasukan ke hospital. Had agregat ini diguna pakai untuk seumur hidup orang yang dilindungi dan selepas itu perlindungan rider ini akan ditamatkan.

#### **Tempoh Menunggu**

Tiada manfaat *Hospital Income Rider* akan dibayar jika kemasukan ke hospital berlaku atau didiagnos dalam tempoh menunggu iaitu tiga puluh (30) hari yang pertama dari tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian kecuali kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan

Satu ratus dua puluh (120) hari tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa sijil takaful atau tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana kemudian adalah terpakai untuk kemasukan ke hospital yang disebabkan oleh penyakit-penyakit khusus.

"Penyakit-penyakit Khusus" bermakna hilang upaya dan komplikasi yang berkaitan dengannya seperti yang dinyatakan di bawah:

- i) Darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular; atau
- ii) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polys; atau
- iii) Batu-batu dari sistem kencing dan sistem biliary; atau
- iv) Semua telinga, hidung (termasuk sinus) dan keadaan tekak; atau
- v) Hernia, buasir, fistulae, hidrosel, varikosele; atau
- vi) Endometriosis termasuk penyakit berkaitan sistem pembiakan; atau
- vii) Gangguan Vertebro-spinal (termasuk cakera) dan keadaan lutut.

#### **Pengecualian Utama untuk kemasukan ke Hospital**

Manfaat *Hospital Income Rider* tidak akan dibayar jika kemasukan ke hospital adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:-

- a) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- b) Hilang upaya bermula sebelum tarikh kuat kuasa Rider atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian; atau
- c) Sebarang perlanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau kesalahan yang ditimbulkan olehnya; atau
- d) Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Kurang Daya Tahan Penyakit dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin; atau
- e) Rawatan penjagaan harian, pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan gigi dan rawatan, perubahan jantina serta explorasi atau pembedahan eksperimen; atau
- f) Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak; atau
- g) Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhatan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya; atau
- h) Rider ini tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam tempoh menunggu kecuali kemasukan ke hospital tersebut adalah kerana kemalangan. Kemasukan ke hospital di luar daripada Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah sijil takaful rider ini.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada sijil rider bagi mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah sijil rider ini.

#### **Caj Sijil**

Caj sijil bulanan sebanyak RM1 akan dikenakan untuk setiap rider.

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai M-First Takaful. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)

**DIURUSKAN OLEH: TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**M-First Takaful (Pelan Perlindungan Penyakit Kritikal)**

Tarikh: 17/07/2023

### 1) Produk apakah ini?

Ini adalah pelan sumbangan berkala takaful keluarga biasa yang menawarkan perlindungan takaful untuk 20 tahun. Amaun perlindungan akan dibayar kepada peserta takaful apabila orang yang dilindungi meninggal dunia dalam tempoh sijil takaful.

Sekiranya peserta takaful memilih untuk menambah rider pilihan kepada sijil takaful asas, caj tabarru' tambahan akan ditolak dari amaun dana individu peserta untuk setiap rider.

### 2) Apakah konsep-konsep syariah yang diguna pakai?

- Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta takaful dan akan digunakan untuk membantu peserta-peserta takaful yang ditimpa musibah atau keadaan yang telah dipersetujui dahulu. Di dalam konteks pihak syarikat, tabarru' akan diperuntukkan ke dalam dana risiko.
- Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

### 3) Apakah perlindungan-perlindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

**Manfaat Takaful dan Amaun Perlindungan yang Ditawarkan Adalah Seperti Berikut:**

Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan (RM)	Tempoh Perlindungan	Penerangan
Manfaat kematian (Semua sebab)	200,000	20	Selepas notis kematian orang yang dilindungi dikemukakan, <i>Accelerated Death Expense</i> berjumlah RM 20,000 akan dibayar. Baki manfaat kematian selepas ditolak amaun <i>Accelerated Death Expense</i> akan dibayar apabila tuntutan kematian diluluskan.
<b>Rider-rider Pilihan</b>			
<i>TPD Rider</i>	100,000	20	Amaun perlindungan <i>TPD Rider</i> akan dibayar kepada peserta takaful apabila Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) orang yang dilindungi telah diluluskan. Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran TPD Rider</a> .
<i>TPD Waiver Rider</i>	Sila Rujuk Ilustrasi Manfaat	20	Jumlah sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar secara sekaligus ke dalam dana individu peserta apabila orang yang dilindungi mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK). Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran TPD Rider</a> .
<i>Comprehensive CI Rider</i>	100,000	20	Amaun perlindungan <i>Comprehensive CI Rider</i> akan dibayar kepada peserta takaful apabila orang yang dilindungi disahkan mengalami penyakit kritikal yang dilindungi. Rider ini memberikan perlindungan terhadap penyakit kritikal dari tahap awal, tahap pertengahan dan tahap akhir. Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran Comprehensive CI Rider</a> .
<i>Cancer Rider</i>	200,000	20	Amaun perlindungan <i>Cancer Rider</i> akan dibayar kepada peserta takaful apabila tuntutan diluluskan di mana orang yang dilindungi disahkan mengalami peristiwa yang dilindungi. Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran Cancer Rider</a> .
<i>CI Waiver Rider</i>	Sila Rujuk Ilustrasi Manfaat	20	Jumlah sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar secara sekaligus ke dalam dana individu peserta apabila orang yang dilindungi mengalami penyakit kritikal yang dilindungi. Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini, sila rujuk <a href="#">Lampiran CI Rider</a> .

Nota: Sila rujuk sijil takaful untuk terma dan syarat lengkap yang diguna pakai untuk setiap rider.

### 4) Berapakah jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar?

Jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar adalah bergantung kepada keperluan pengunderitan, umur, tempoh, rider, kelas pekerjaan dan perlindungan sijil takaful yang dipilih. Sumbangan takaful anda untuk M-First Takaful dan rider (jika ada) adalah seperti berikut:

Anggaran jumlah sumbangan yang perlu dibayar

: RM 129.00 Bulanan

Tempoh sumbangan

: sehingga umur 43 tahun

## 5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

### a) Yuran Wakalah

Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11 & ke atas
Amaun	851	728	588	387	232	232	232	201	201	201	31
% dari sumbangan takaful kasar tahunan	55.00%	47.00%	38.00%	25.00%	15.00%	15.00%	15.00%	13.00%	13.00%	13.00%	2.00%

- Yuran wakalah adalah termasuk komisyen dan perbelanjaan pengurusan.
- 5.00% yuran wakalah akan dicaj untuk setiap top-up dan sumbangan takaful untuk *IKHLAS Rider*.

### b) Caj tabarru'

Caj tabarru' akan ditolak secara bulanan dari dana individu peserta ke dalam dana risiko. Caj-caj tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia orang yang dilindungi dan/atau peserta takaful. Butiran caj tabarru' dan caj-caj lain disertakan dalam ilustrasi manfaat. Caj tabarru' adalah TIDAK DIJAMIN dan pihak syarikat mempunyai hak untuk menyemak semula caj tabarru'. Pihak syarikat akan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada peserta takaful sekiranya berlaku penyemakan semula caj tabarru'. Caj tabarru' boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap sebarang manfaat produk dan profil risiko orang yang dilindungi dan/atau peserta takaful. Sebab-sebab untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan kadar caj tabarru' juga boleh disemak semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

### c) Caj Sijil Takaful

Caj sijil secara bulanan akan dikenakan mengikut mod bayaran:

Mod Sumbangan	Caj Bulanan
Tahunan	RM4
Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan	RM5

### d) Yuran Pengeluaran Sebahagian\*

Yuran pengeluaran sebahagian sebanyak RM50 akan dikenakan untuk setiap transaksi pengeluaran tunai.

### e) Yuran Serahan\*

Yuran serahan sebanyak RM50 akan ditolak dari dana individu peserta. Jika amaun dana individu peserta semasa serahan adalah kurang dari RM50, amaun sepenuhnya akan diambil sebagai yuran serahan dan tiada amaun akan dibayar semasa serahan.

### f) Yuran Penguatkuasaan Semula\*

RM15 akan dikenakan untuk setiap penguatkuasaan semula.

### g) Caj Pengurusan Lebihan

Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sehingga 50% dari lebihan kasar boleh-agih yang diisyiharkan pada setiap akhir tahun kewangan akan dikenakan.

### h) Yuran Prestasi Pelaburan

Yuran Prestasi Pelaburan (IPF) akan dikenakan untuk pendapatan pelaburan yang diperolehi dari dana individu peserta. Peratusan IPF adalah dikenakan sehingga 30% dari pendapatan pelaburan yang diperolehi dari dana individu peserta. Baki pendapatan pelaburan akan diperuntukkan ke dalam dana individu peserta.

\* Yuran-yuran ini mungkin akan disemak semula pada masa akan datang dan ianya juga tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.

## 6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti tetapi tidak terhad kepada umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Ini membolehkan wakil anda untuk menasihatkan produk yang sewajarnya yang memenuhi keperluan dan keadaan anda.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan sijil takaful dengan mengembalikan sijil takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari selepas sijil takaful dihantar kepada anda. Sumbangan takaful yang telah dibayar selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada akan dikembalikan dan sijil takaful akan dibatalkan.
- Tempoh ehsan - tempoh selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan takaful untuk membayar sumbangan takaful yang seterusnya. Sepanjang tempoh ini, sijil takaful akan kekal berkuat kuasa.

- d) Jika kami tidak menerima sumbangan takaful pada tarikh akhir bayaran dan dengan syarat amaun di dalam dana individu peserta adalah mencukupi, **amaun di dalam dana individu peserta akan ditolak** untuk caj tabarru' dan caj sijil sehingga amaun di dalam dana individu peserta tidak lagi mencukupi untuk membayar caj-caj tersebut. **Sekiranya berlaku, sijil takaful anda akan luput.** Kebarangkalian sijil takaful menjadi luput akan meningkat sekiranya pengeluaran tunai sebahagian telah dibuat sebelum ini.
- e) Adalah menjadi keperluan bahawa semua pengeluaran akan tertakluk kepada ujian kemampuan untuk memastikan pengeluaran tersebut tidak memberikan kesan negatif kepada manfaat takaful masa hadapan, dan sumbangan takaful masa hadapan di dalam dana individu peserta adalah mencukupi untuk caj tabarru' dan caj-caj lain sepanjang tempoh sijil takaful. Keputusan ujian kemampuan akan didedahkan dan diterangkan kepada anda untuk membolehkan anda membuat keputusan untuk pengeluaran. Amaun minimum dan maksimum untuk transaksi pengeluaran sebahagian adalah seperti berikut:
- Amaun minimum: RM 1,000
  - Amaun maksimum: tertakluk kepada baki sebanyak RM1,000 di dalam dana individu peserta.
  - Setiap transaksi adalah tertakluk kepada yuran pengeluaran seperti yang dinyatakan di seksyen 5.
- f) Ia mungkin tidak menguntungkan untuk beralih dari satu pelan takaful ke pelan takaful yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu sepenuhnya dan sebarang tempoh terpakai bagi pengecualian pada syarat-syarat penyakit tertentu atau penyakit sedia ada untuk sijil takaful yang baru.
- g) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi memfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada sijil takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah sijil takaful ini.

#### 7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam sijil takaful ini?

Manfaat kematian tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh cubaan membunuh diri sama ada semasa siuman atau tidak siuman dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil takaful atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.

Dalam keadaan yang demikian, amaun yang terkumpul di dalam dana individu peserta akan dibayar balik.

Pengecualian di atas adalah terpakai untuk manfaat kematian sahaja dan tidak akan terpakai untuk manfaat *Accelerated Death Expenses (ADE)*.

#### 8) Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Penyertaan di dalam pelan sumbangan takaful berkala adalah komitmen kewangan jangka panjang, dan anda tidak digalakkan untuk menyertai sijil takaful ini dalam tempoh masa yang singkat kerana ia akan melibatkan kos permulaan yang tinggi. Ianya mungkin tidak akan menguntungkan untuk membatalkan atau menyerah kembali atau menggantikan sijil takaful anda dengan yang baru. Ini kerana anda akan kehilangan segala manfaat yang anda nikmati sebelum ini dan nilai penyerahan yang bakal terima mungkin kurang daripada jumlah sumbangan takaful yang telah anda bayar.

Jika anda merasakan pelan yang dipilih tidak lagi bersesuaian pada masa hadapan, anda boleh menyerahkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pihak syarikat akan mengembalikan amaun terkumpul di dalam dana individu peserta, jika ada, selepas ditolak yuran serahan. Sijil takaful termasuk semua rider yang dilampirkan kepada pelan asas (jika ada) akan ditamatkan.

#### 9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat (termasuk bagi penama) untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dan/atau penama dalam jangka masa ditetapkan.

Anda boleh berbuat demikian melalui wakil anda atau hubungi kami melalui telefon, emel atau hadir ke mana-mana cawangan kami. Sila rujuk item 10 bagi maklumat untuk dihubungi.

**10) Bagaimakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Keluarga'. Anda boleh memperolehinya daripada wakil takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas Family Berhad (No. Pendaftaran 200201025412)**

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang: [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati.**

Sila hubungi MBSB Bank berdekatan untuk maklumat lebih lanjut.

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU HUBUNGI TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

**MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFULINI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.**

**KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.**

**KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH DIPERLUKAN SEMASA SIJIL TAKAFUL DIPOHON ATAU DIENDOS (DIUBAH).**

**SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKOINI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.**

**ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGANINI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.**

*Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 17/07/2023*

## Lampiran TPD Rider

### Perlindungan

Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar secara sekaligus jika orang yang dilindungi/ peserta takaful mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berterusan. Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan adalah dibayar dari dana risiko. Rider ini akan ditamatkan semasa HUMK diluluskan.

Jumlah maksimum amaun perlindungan HUMK boleh dibayar daripada semua sijil takaful yang diluluskan oleh syarikat ke atas orang yang dilindungi yang sama haruslah tidak melebihi Dua Juta Ringgit Malaysia (RM2,000,000) untuk dewasa atau Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM500,000) bagi kanak kanak berumur enam belas (16) tahun dan ke bawah.

Jika orang yang dilindungi mengalami HUMK sebelum mencapai umur lima (5) tahun, amaun perlindungan *TPD Rider* akan dibayar mengikut jadual seperti berikut:

Umur semasa HUMK (Hari Jadi Akan Datang)	Peratusan Bayaran Manfaat
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun	100%

### Tempoh Menunggu

Tempoh menunggu selama enam (6) bulan diguna pakai untuk tuntutan HUMK. Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan tidak akan dibayar jika HUMK tidak berterusan selama enam (6) bulan berturut-turut.

### Pengecualian untuk HUMK

Amaun perlindungan *TPD Rider* / sumbangan takaful masa hadapan tidak akan dibayar jika HUMK disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut: -

- a) Cubaan membunuh diri atau tindakan memudaratkan diri sendiri oleh orang yang dilindungi semasa siuman atau tidak siuman; atau
- b) Akibat penyalahgunaan dadah atau pengaruh alkohol; atau
- c) Penyertaan dalam sebarang kegiatan jenayah, rusuhan, rusuhan awam, pemberontakan, perperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang jenis operasi berbentuk perperangan, tindakan musuh asing, sebarang tindakan keganasan dan perperangan kimia; atau
- d) Melibatkan diri dalam sukan profesional, selam skuba, perlumbaan atau apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada sebagai anggota kru atau sebagai penumpang berbayar pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi pada laluan yang dijadualkan atau apa-apa aktiviti sukan berbahaya (termasuk lompatan bungee, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjunan udara) melainkan jika kami bersetuju dengan persetujuan khas; atau
- e) HIV atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan berkaitan dengan AIDS.

### Caj Sijil

Caj sijil bulanan sebanyak RM1 akan dikenakan untuk setiap rider.

### Lampiran CI Rider

#### Perlindungan

Amaun perlindungan *CI Rider* / sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar jika orang yang dilindungi/ peserta takaful didiagnos penyakit kritikal seperti yang ditakrifkan di definisi penyakit kritikal, semasa rider ini berkuatkuasa, dan hidup untuk sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dari tarikh didiagnos atau pembedahan. Amaun perlindungan *CI Rider* / sumbangan takaful masa hadapan adalah dibayar dari dana risiko. *CI Rider* akan ditamatkan apabila 100% amaun perlindungan *CI Rider* telah dibayar.

Jumlah maksimum amaun perlindungan kanser dan penyakit kritikal boleh dibayar daripada semua sijil takaful yang diluluskan oleh syarikat ke atas orang yang dilindungi yang sama haruslah tidak melebihi Satu Juta dan Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM1,500,000) bagi dewasa atau Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM500,000) bagi kanak kanak berumur enam belas (16) tahun dan ke bawah.

Amaun perlindungan *CI Rider* adalah dibayar berdasarkan jadual berikut:

Penyakit Kritikal (CI)	Manfaat CI yang Dibayar
<i>Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari</i>	Amaun dibayar adalah sepuluh peratus (10%) dari amaun perlindungan <i>CI Rider</i> atau RM25,000, yang mana lebih rendah. <i>Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari</i> adalah tidak dilindungi di bawah <i>CI Waiver Rider</i> dan <i>Payor Rider</i> .
35 penyakit kritikal yang lain	Amaun yang dibayar adalah 100% dari amaun perlindungan <i>CI Rider</i> / sumbangan takaful masa hadapan atau baki, mana yang berkenaan.

Jika orang yang dilindungi di diagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi sebelum mencapai umur lima (5) tahun, amaun perlindungan *CI Rider* akan dibayar mengikut jadual seperti berikut:

Umur Semasa CI di Diagnosis (Hari Jadi Akan Datang)	Peratusan Bayaran Manfaat
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun	100%

#### Senarai Penyakit Kritikal yang Dilindungi

1	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan	19	Transplant Organ Utama/Sumsum Tulang
2	Serangan Jantung – keterukan tertentu	20	Hilang Keupayaan Bertutur
3	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplant buah pinggang	21	Pembedahan Otak
4	Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	22	Pembedahan Injap Jantung
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	23	Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)
6	Penyakit Arteri Koronari Serius	24	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian
7	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	25	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian
8	Kegagalan Hati Tahap Akhir	26	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan kegagalan kekal sumsum tulang
9	Hepatitis Viral Fulminan	27	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
10	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	28	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian
11	Tumor Otak Benign – keterukan tertentu	29	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
12	Kelumpuhan Anggota	30	Distrofi Otot
13	Buta – kekal dan tidak boleh pulih	31	Pembedahan Aorta
14	Pekak – kekal dan tidak boleh pulih	32	Sklerosis Multipel
15	Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu	33	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
16	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	34	Penyakit Sistik Medular
17	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	35	Kardiomiopati – keterukan tertentu

18	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian	36	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
----	--	----	--

### Tempoh Menunggu

Tiada amaun perlindungan *C1 Rider* / sumbangan takaful masa hadapan akan dibayar jika penyakit kritis berikut wujud atau didiagnos semasa tempoh menunggu iaitu enam puluh (60) hari dari tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian:

- a) Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari; atau
- b) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari; atau
- c) Kanser - keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal; atau
- d) Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
- e) Serangan Jantung - keterangan tertentu

Selain dari yang di atas, tiga puluh (30) hari tempoh menunggu akan diguna pakai, kecuali yang disebabkan oleh kemalangan.

### Pengecualian Utama untuk Penyakit Kritis

Amaun perlindungan *C1 Rider* / sumbangan takaful masa hadapan tidak akan dibayar jika penyakit kritis disebabkan secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana yang berikut: -

- a) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- b) Sebarang perlanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau kesalahan yang ditimbulkan olehnya; atau
- c) Sebarang keadaan sedia wujud yang bermula sebelum tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider, yang mana kemudian; atau
- d) Jika penyakit tersebut didiagnos dalam tempoh menunggu kecuali yang disebabkan oleh kemalangan.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada sijil rider bagi mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah sijil rider ini.

### Caj Sijil

Caj sijil bulanan sebanyak RM1 akan dikenakan untuk setiap rider.

### Lampiran Comprehensive CI Rider

#### Perlindungan

Jika orang yang dilindungi didiagnos telah mengalami mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi, semasa rider ini berkuatkuasa, sebahagian dari amaun perlindungan *Comprehensive CI Rider* akan dibayar kepada peserta takaful berdasarkan kepada tahap penyakit kritikal yang disahkan oleh doktor yang dilantik. Jumlah amaun yang dibayar tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) dari amaun perlindungan di bawah sijil rider ini. Amaun perlindungan *Comprehensive CI Rider* akan dibayar daripada dana risiko.

Jumlah maksimum amaun perlindungan kanser dan penyakit kritikal boleh dibayar daripada semua sijil takaful yang diluluskan oleh syarikat ke atas orang yang dilindungi yang sama haruslah tidak melebihi Satu Juta dan Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM1,500,000) bagi dewasa atau Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM500,000) bagi kanak kanak berumur enam belas (16) tahun dan ke bawah.

Jika orang yang dilindungi di diagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi sebelum mencapai umur lima (5) tahun, amaun perlindungan *Comprehensive CI Rider* akan dibayar mengikut jadual seperti berikut:

Umur Semasa CI di Diagnosis (Hari Jadi Akan Datang)	Peratusan Bayaran Manfaat
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun	100%

#### Tahap-tahap Penyakit Kritikal

Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	<p>Jika orang yang dilindungi menjalani prosedur <i>Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari</i>, semasa rider ini berkuatkuasa, sepuluh peratus (10%) dari amaun perlindungan di bawah sijil rider ini atau RM25,000, yang mana lebih rendah, akan dibayar.</p> <p>Manfaat ini dibayar hanya sekali sepanjang tempoh sijil rider. Amaun perlindungan rider ini akan dikurangkan dengan amaun yang telah dibayar di bawah manfaat ini dan rider ini akan terus berkuat kuasa sehingga berlakunya mana-mana peristiwa yang disebut dalam klausa penamatian.</p>
Penyakit Kritikal Tahap Awal	<p>Jika orang yang dilindungi didiagnos telah mengalami mana-mana penyakit kritikal tahap awal yang dilindungi, semasa rider ini berkuatkuasa, lima puluh peratus (50%) dari amaun perlindungan rider ini akan dibayar.</p> <p>Untuk tuntutan berikutnya, amaun perlindungan rider ini, selepas ditolak amaun yang telah dibayar sebelumnya di bawah penyakit kritikal tahap awal, jika ada, akan dibayar, dengan syarat tuntutan berikutnya mestilah di bawah kategori penyakit kritikal yang berlainan dari tuntutan pertama dan rider ini seterusnya akan ditamatkan. Maksimum dua (2) tuntutan boleh dibuat sebelum orang yang dilindungi mencapai umur lapan puluh lima (85) tahun hari jadi akan datang untuk manfaat penyakit kritikal tahap awal.</p>
Penyakit Kritikal Tahap Pertengahan	<p>Jika orang yang dilindungi didiagnos mengalami mana-mana penyakit kritikal tahap pertengahan yang dilindungi, semasa rider ini berkuat kuasa, seratus peratus (100%) dari amaun perlindungan rider ini, selepas ditolak sebarang amaun yang telah dibayar sebelumnya untuk yang berikut, akan dibayar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) penyakit kritikal tahap awal; dan</li> <li>(ii) Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari</li> </ul> <p>Seterusnya, rider ini akan ditamatkan.</p>
Penyakit Kritikal Tahap Akhir	<p>Jika orang yang dilindungi didiagnos mengalami mana-mana penyakit kritikal tahap akhir yang dilindungi, semasa rider ini berkuat kuasa, seratus peratus (100%) dari amaun perlindungan rider ini, selepas ditolak sebarang amaun yang telah dibayar sebelumnya untuk yang berikut, akan dibayar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) penyakit kritikal tahap awal; dan</li> <li>(ii) Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari</li> </ul> <p>Seterusnya, rider ini akan ditamatkan.</p>

## Manfaat Pemulihan

Manfaat Pemulihan Kanser	Manfaat Pemulihan Diabetes
Jika orang yang dilindungi mengalami kanser, tiga puluh lima peratus (35%) dari amaun perlindungan rider ini akan dibayar berdasarkan tahap kanser seperti di bawah. Jumlah amaun yang dibayar di bawah Klausula (a) hingga (c) tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) dari amaun Manfaat Pemulihan Kanser.	Amaun Manfaat Pemulihan Diabetes adalah dua puluh peratus (20%) dari amaun perlindungan rider ini.
<b>a) Manfaat Pemulihan Kanser Tahap Awal</b> Tiga puluh peratus (30%) dari amaun Manfaat Pemulihan Kanser akan dibayar. Hanya satu (1) tuntutan dibenarkan di bawah tahap ini, tertakluk kepada umur hari jadi akan datang orang yang dilindungi adalah di bawah lapan puluh lima (85) tahun pada ulangtahun sijil takaful. Amaun perlindungan rider akan berkurang dengan amaun tuntutan yang dibuat. Sijil rider ini akan terus berkuatkuasa sehingga berlaku mananya keadaan yang dinyatakan di dalam klausula (b) atau (c).	<b>(a) "Pembedahan untuk Diabetes Retinopati Jenis 2"</b> bermaksud Diabetes Retinopati yang memerlukan rawatan laser yang disahkan oleh Pakar Perunding Mata dan disokong oleh laporan <i>"Fluorescent Fundus Angiografi"</i> dan penglihatan diukur pada 6/18 menggunakan carta mata <i>Snellen</i> pada mata yang lebih teruk.
<b>b) Manfaat Pemulihan Kanser Tahap Pertengahan</b> Seratus peratus (100%) dari amaun Manfaat Pemulihan Kanser, selepas ditolak amaun yang dibayar sebelumnya di bawah klausula (a), jika ada, akan dibayar, tertakluk kepada umur hari jadi akan datang orang yang dilindungi adalah di bawah lapan puluh lima (85) tahun pada ulangtahun sijil takaful. Manfaat dibawah rider ini akan ditamatkan selepas itu.	<b>(b) "Amputasi anggota badan disebabkan oleh komplikasi Diabetes Retinopati Jenis 2"</b> bermaksud pembedahan amputasi kaki/ pergelangan bawah buku lali/ibu jari kaki/ lengan/ tangan/ jari tangan untuk merawat <i>gangren</i> yang disebabkan oleh komplikasi diabetes.
<b>c) Manfaat Pemulihan Kanser Tahap Akhir</b> Seratus peratus (100%) dari amaun Manfaat Pemulihan Kanser, selepas ditolak amaun yang dibayar sebelumnya di bawah klausula (a), jika ada, akan dibayar, tertakluk kepada umur hari jadi akan datang orang yang dilindungi adalah di bawah satu ratus (100) tahun pada ulangtahun sijil takaful. Manfaat dibawah rider ini akan ditamatkan selepas itu.	<b>(c) "Severe Diabetic Nephropathy pada buah pinggang"</b> bermaksud diagnosis <i>"Diabetic Nephropathy"</i> oleh Pakar Perunding Nefrologi dan disokong oleh laporan eGFR kurang dari 30ml/min/1.73m <sup>2</sup> berserta kehadiran protein di dalam air kencing yang melebihi 300mg/24 jam.

## Senarai Penyakit Kritikal Komprehensif yang Dilindungi

Bil	Kategori	Tahap Penyakit Kritikal		
		Tahap Awal (50% dari Amaun Perlindungan Comprehensive CI Rider)	Tahap Pertengahan (100% dari Amaun Perlindungan Comprehensive CI Rider)	Tahap Akhir (100% dari Amaun Perlindungan Comprehensive CI Rider)
1	Pembedahan Neuro seperti Pembedahan Anneurisme Otak, Pemasukan Pintasan Serebrum dan Pembedahan Arteri Karotid, termasuk Strok	- Pembedahan Aneurisme Otak - Pemasukan Pintasan Serebrum	Pembedahan Arteri Karotid	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan.
2	Aritmia Kardiak dan Serangan Jantung	Kemasukan Perentak Jantung Kardiak	Kemasukan Kardiak Defibrillator	Serangan Sakit Jantung - keterukan tertentu
3	Kerosakan Buah Pinggang	Pembedahan Pembuangan Satu (1) Buah Pinggang	Kerosakan Buah Pinggang yang Kronik	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
4	Kanser	- Karsinoma-in-situ - Kanser Prostat Awal - Kanser Tiroid Awal - Kanser Pundi Awal - Leukaemia Limfositik Kronik Awal	Karsinoma-in-situ dan Kanser Awal Organ khusus lain yang dirawat dengan Pembedahan Radikal	Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari dan Penyakit Perikardial dengan pembedahan	Perikardial	Pengrafan Pintasan Arteri Koronari Langsung Kurang Invasif (MIDCAB)	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
6	Lain-lain Penyakit Arteri Koronari yang Serius	Penyakit Arteri Koronari Awal	Lain-lain Penyakit Koronari Arteri	Penyakit Arteri Koronari Serius
7	Penyakit Hati	Pembedahan Hati	Sirosis Hati	Kegagalan Hati Tahap Akhir
8	Penyakit pada Saluran Biliar dan Radang Virus Hati Fulminan	Pembedahan Semula Saluran Biliar	Sklerosis Kolangitis Utama Kronik	Hepatitis Viral Fulminan
9	Koma	Koma untuk 48 jam	Koma untuk 72 jam	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan

10	Tumor Otak	Pembedahan Penyingkiran Tumor Pituitari melalui Trans Sphenoidal Hypophysectomy	-	Tumor Otak Benign – keterukan tertentu
11	Hilang Pendengaran	- Hilang Pendengaran Separa - Pembedahan <i>Cavernous Sinus Thrombosis</i>	Pembedahan Implan Koklea	Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih
12	Kelecuran	Kelecuran Sederhana Teruk	Kelecuran Teruk	Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu
13	HIV, Hepatitis B atau C akibat Pemindahan Darah	Hepatitis B atau C akibat Pemindahan Darah disebabkan Pekerjaan	-	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
14	Penyakit Paru-paru	Asma Yang Teruk	Pembedahan Penyingkiran Satu (1) Paru-paru	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
15	Radang Otak (Encefalitis)	Pemulihan Radang Otak Sepenuhnya	Encefalitis Sederhana	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
16	Pemindahan Organ Utama/ Sumsum Tulang	- Pemindahan Usus Kecil - Pemindahan Kornea	Organ Utama/Pemindahan Sumsum Tulang (dalam senarai menunggu)	Transplant Organ Utama/Sumsum Tulang
17	Hilang Upaya Pertuturan	Hilang Upaya Pertuturan (selain daripada kecederaan atau penyakit kepada peti suara)	-	Keupayaan Bertutur
18	Pembedahan Otak	Pembedahan Haematoma Subdural	-	Pembedahan Otak
19	Pembedahan Injap Jantung	<i>Valvuloplasti Perkuteneus</i>	Penggantian Injap Perkutaneus	Pembedahan Injap Jantung
20	Bakteria Meningitis	Pemulihan Bakteria Meningitis Sepenuhnya	Bakteria Meningitis Sederhana Teruk	Bakteria Meningitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
21	Trauma Kepala	Trauma Kepala Sederhana	-	Trauma Kepala Teruk – mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
22	Anemia Aplastik dan Sindrom Mielodiplastik	Anemia Aplastik Boleh dipulihkan	Sindrom Mielodisplastik atau Mielofibrosis	Anaemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
23	Penyakit Neuron Motor	Penyakit Neuron Motor Awal	-	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
24	Penyakit Parkinson	Penyakit Parkinson Peringkat Awal	Penyakit Parkinson Sederhana Teruk	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
25	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	Penyakit Alzheimer Awal	Penyakit Alzheimer Sederhana Teruk	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
26	Penyakit Saraf Tunjang dan Distrofi Otot	Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan menyebabkan kegagalan Fungsi Usus dan Pundi	-	Distrofi Otot
27	Aorta	Aneurisme Aorta Asimptomatif Besar	Pembedahan Kurang Invasif ke atas Aorta	Pembedahan Aorta
28	Sklerosis Berbilang	Sklerosis Berbilang Peringkat Awal	-	Sklerosis Multipel
29	Tekanan Darah Tinggi Arteri Pulmonari Awal	Tekanan Darah Tinggi Arteri Pulmonari Awal	-	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
30	Penyakit Buah pinggang seperti Glomerulonefritis kronik dan Penyakit Sistik Medular	Glomerulonefritis Kronik	-	Penyakit Sista Medular
31	Kardiomiopati dan Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan	Kardiomiopati Hipertrofik	Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan	Kardiomiopati – keterukan tertentu
32	Eritamatosus Lupus Sistemik (SLE) dengan komplikasi buah pinggang yang teruk	Eritamatosus Lupus Sistemik (SLE) Kurang kronik	-	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
33	Kelumpuhan	Kehilangan Kegunaan satu Anggota Badan	-	Kelumpuhan Anggota

34	Hilang Penglihatan	Hilang Penglihatan Sebelah Mata	Pigmentasi Retina	Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih
35	Hilang Upaya Pergerakan Bebas	Hilang Upaya Pergerakan Bebas Awal	-	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)

### Tempoh Menunggu

Untuk tuntutan tahap akhir, enam puluh (60) hari tempoh menunggu diguna pakai untuk mana-mana keadaan yang berikut:

- a) Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari;
- b) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari;
- c) Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal;
- d) Penyakit Arteri Koronari Serius;
- e) Serangan Sakit Jantung - keterukan tertentu

Untuk keadaan lain yang disebabkan oleh penyakit, tiga puluh (30) hari tempoh menunggu diguna pakai.

### Pengecualian Utama untuk Penyakit Kritikal Komprehensif

Amaun perlindungan *Comprehensive CI Rider* tidak akan dibayar jika penyakit kritikal adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung dari yang berikut: -

- a) Tanda-tanda atau gejala-gejala penyakit kritikal yang ditakrifkan di bawah tahap akhir ditunjukkan sebelum atau dalam tempoh menunggu; atau
- b) Penyakit kritikal adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang Virus Kurang Daya Tahan penyakit (HIV). Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat awal kepada penerimaan apa-apa tuntutan. Pengecualian ini tidak terpakai bagi jangkitan HIV akibat pemindahan darah atau virus Hepatitis B atau C akibat pemindahan darah disebabkan pekerjaan seperti yang ditakrifkan dalam sijil rider. Bagi tujuan sijil rider ini,
  - i. definisi AIDS hendaklah sebagaimana yang digunakan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia pada 1987, atau apa-apa semakan yang dibuat kepada definisi tersebut oleh Organisasi Kesihatan Sedunia.
  - ii. Jangkitan hendaklah dianggap terjadi apabila darah atau ujian lain yang berkaitan kehadiran mana-mana Virus Kurang Daya Tahan Penyakit atau antibodi untuk virus sedemikian.
- c) Mana-mana tahap Kanser yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:
  - i. mana-mana tahap Kanser atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk tahap Kanser seperti yang dinyatakan di dalam ini; atau
  - ii. tanda-tanda atau gejala-gejala Kanser yang wujud sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana kemudian; atau
  - iii. kanser yang terjadi secara langsung atau tidak langsung daripada keadaan sedia ada yang wujud sebelum tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana kemudian; atau
- d) Sebarang penyakit berkaitan diabetes yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:
  - i. apa-apa penyakit atau pembedahan selain diagnosis atau pembedahan untuk penyakit berkaitan diabetes seperti yang ditakrifkan; atau
  - ii. tanda-tanda atau gejala-gejala penyakit berkaitan diabetes yang wujud sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana kemudian; atau
  - iii. penyakit berkaitan diabetes yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada keadaan sedia ada sebagaimana yang ditakrifkan, yang wujud sebelum tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.
- e) Tahap yang sama atau tahap lebih awal untuk kategori penyakit kritikal adalah dalam peringkat yang sama atau peringkat yang lebih awal daripada kategori tuntutan penyakit kritikal sebelumnya, kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari; atau
- f) Sebarang kecacatan atau kekurangan semenjak lahir terhadap Orang Yang Dilindungi pada tarikh di Diagnosis adalah berumur tujuh belas (17) tahun dan ke bawah.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada sijil rider bagi mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah sijil rider ini.

### Caj Sijil

Caj sijil bulanan sebanyak RM1 akan dikenakan untuk setiap rider.

### Lampiran Cancer Rider

#### Perlindungan

Amaun perlindungan *Cancer Rider* akan dibayar jika orang yang dilindungi didiagnos dengan tahap kanser seperti yang ditakrifkan yang disahkan oleh doktor yang dilantik, semasa rider ini berkuatkuasa. Amaun perlindungan tambahan akan dibayar jika orang yang dilindungi menjalani rawatan disebabkan oleh kanser atau di bawah keadaan *Hospice Care* yang disahkan oleh doktor yang dilantik, semasa rider ini berkuatkuasa. Amaun perlindungan *Cancer Rider* dan amaun perlindungan tambahan adalah dibayar dari dana risiko.

Jumlah maksimum amaun perlindungan Kanser dan Penyakit Kritis boleh dibayar daripada semua sijil takaful yang diluluskan oleh syarikat ke atas orang yang dilindungi yang sama haruslah tidak melebihi Satu Juta dan Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM1,500,000) bagi dewasa atau Lima Ratus Ribu Ringgit Malaysia (RM500,000) bagi kanak kanak berumur enam belas (16) tahun dan ke bawah.

Peristiwa yang dilindungi	Amaun perlindungan yang dibayar
Kanser Tahap Awal	<p>Tiga puluh (30) peratus dari Amaun Perlindungan <i>Cancer Rider</i> akan dibayar jika orang yang dilindungi didiagnos dengan salah satu kanser yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Karsinoma-in-situ</li> <li>ii) Kanser Pundi Kencing Awal</li> <li>iii) Leukemia Limfositik Kronik Awal (CLL)</li> <li>iv) Kanser Prostat Awal</li> <li>v) Kanser Tiroid Awal</li> </ul> <p>Hanya satu (1) tuntutan dibenarkan di bawah manfaat kanser tahap awal semasa tempoh sijil rider.</p> <p>Amaun perlindungan <i>Cancer Rider</i> akan dikembalikan kepada amaun asal jika tiada tuntutan dilakukan di bawah Kanser Tahap Akhir selepas lima (5) tahun dari tarikh Kanser Tahap Awal didiagnos.</p>
Kanser Tahap Akhir	<p>Seratus (100) peratus Amaun Perlindungan <i>Cancer Rider</i> akan dibayar jika Orang Yang Dilindungi didiagnos untuk mengalami kanser selain daripada yang ditakrifkan di bawah Manfaat Kanser Tahap Awal.</p> <p>Sekiranya Manfaat Kanser Tahap Awal telah dituntut sebelum Manfaat Kanser Tahap Akhir dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh Kanser Tahap Awal didiagnos, manfaat akan dikurangkan oleh bayaran yang telah dilakukan di bawah Manfaat Kanser Tahap Awal.</p> <p>Orang yang dilindungi mestilah hidup untuk sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dari tarikh didiagnos untuk tuntutan manfaat ini.</p>
<i>Hospice Care</i>	Dua (2) bayaran berjumlah Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM5,000) akan dilakukan secara bulanan dari tarikh di mana doktor menyatakan tiada rawatan kuratif lebih lanjut diperlukan atau orang yang dilindungi mempunyai kurang daripada enam (6) bulan untuk hidup dalam keadaan penyakit yang biasa.
Elaun Rawatan	<p>Sekiranya orang yang dilindungi memerlukan kemoterapi, radioterapi, imunoterapi atau pembedahan berkaitan kanser, elaun harian tetap berjumlah Satu Ratus Ringgit Malaysia (RM100) akan dibayar secara bayaran balik untuk setiap hari rawatan atau pembedahan Orang Yang Dilindungi yang dijalankan oleh pusat rawatan yang berdaftar secara sah.</p> <p>Amaun maksimum yang dibenarkan dibayar di bawah manfaat ini adalah Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000) setiap tahun dan Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia (RM10,000) sepanjang tempoh sijil.</p>

Jika orang yang dilindungi di diagnosis dengan kanser sebelum mencapai umur lima (5) tahun, amaun perlindungan *Cancer Rider* di bawah Kanser Tahap Awal dan Akhir akan dibayar mengikut jadual seperti berikut:

Umur semasa Kanser atau Kanser Tahap Awal di diagnosis (Hari Jadi Akan Datang)	Peratusan Bayaran Manfaat
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun	100%

#### Tempoh Menunggu

Amaun perlindungan *Cancer Rider* tidak akan dibayar jika keadaan wujud atau didiagnos semasa tempoh menunggu iaitu enam puluh (60) hari dari tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.

### Pengecualian untuk *Cancer Rider*

Amaun perlindungan *Cancer Rider* tidak akan dibayar jika Kanser atau Kanser Tahap Awal disebabkan secara langsung atau tidak langsung dari mana-mana yang berikut: -

- a) Kanser adalah selain daripada diagnosis Kanser atau Kanser Tahap Awal yang ditakrifkan di bawah Terminologi Penting dan Maksudnya; atau
- b) Tanda-tanda atau gejala-gejala Kanser atau Kanser Tahap Awal ditunjukkan sebelum atau dalam tempoh menunggu; atau
- c) Kanser atau Kanser Tahap Awal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada keadaan sedia ada, yang wujud sebelum tarikh kuat kuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula rider ini, yang mana kemudian; atau
- d) Kanser atau Kanser Tahap Awal adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat awal kepada penerimaan apa-apa tuntutan. Pengecualian ini tidak terpakai bagi jangkitan HIV akibat pemindahan darah atau virus Hepatitis B atau C akibat pemindahan darah disebabkan pekerjaan seperti yang ditakrifkan dalam peruntukan manfaat anda;
  - i. definisi AIDS hendaklah sebagaimana yang digunakan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia pada 1987, atau apa-apa semakan yang dibuat kepada definisi tersebut oleh Organisasi Kesihatan Sedunia; dan
  - ii. Jangkitan hendaklah dianggap terjadi apabila darah atau ujian lain yang berkaitan menunjukkan pada pendapat Kami sama ada kehadiran mana-mana Virus Kurang Daya Tahan Penyakit atau Antibodi untuk Virus sedemikian; atau
- e) Sebarang Kanser atau Kanser Tahap Awal akibat secara langsung dari alkohol atau penyalahgunaan dadah; atau
- f) Orang yang dilindungi tidak dapat hidup untuk sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas didiagnos Kanser. Tempoh kelangsungan hidup ini tidak terpakai untuk Manfaat Kanser Tahap Awal

Manfaat *Hospice Care* dan Elaun Rawatan tidak akan dibayar sekiranya kami tidak mengakui liability di bawah Manfaat Kanser Tahap Awal/Akhir.

### Caj Sijil

Caj sijil bulanan sebanyak RM1 akan dikenakan untuk setiap rider.